



MOHD SHOLEH BIN SHEH YUSUFF

Konsep *Al-Khizy* Menurut *Al-Qur'an* dan *Al-Sunnah*: Faktor dan Langkah Mengatasinya

ABSTRAKSI: Kajian ini menghuraikan pengertian “*al-Khizy*” yang terkandung di dalam *Al-Qur'an* dari perspektif yang lebih luas. “*Al-Khizy*” yang berupa banjir, ribut, gempa bumi, dan sebagainya selalu dianggap sebagai bencana alam. Pada hal ia merupakan hukuman Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*) disebabkan perbuatan manusia itu sendiri. Kajian ini bertujuan menjelaskan pengertian “*al-Khizy*” menurut *Al-Qur'an* dan *Al-Sunnah*, dan faktor-faktor ia berlaku. Selain itu, ia juga mengemukakan sikap dan tindakan sewajarnya yang harus diambil oleh manusia, khususnya orang yang beriman, dalam menghadapi sebarang bentuk “*al-Khizy*”. Penghuraian dan perbincangan terhadap kesalahfahaman yang berkaitan dengan konsep “*al-Khizy*” diambil daripada pandangan para ulama tafsir dan Hadith yang membincangkannya. Kajian kepustakaan ini menggunakan kaedah deskriptif dan historika. Hasil kajian mendapati bahawa “*al-Khizy*”, yang dinyatakan di dalam *Al-Qur'an* dan *Al-Sunnah*, merupakan hukuman dari Allah SWT yang ditimpakan kepada manusia disebabkan dosa-dosa mereka. Melihat kepada keluarbiasaan dan kehebatan impaknya, ia tidak boleh dianggap sebagai bencana alam semata-mata, tetapi ia adalah dari Yang Maha Kuasa, iaitu Allah SWT. Kedua-dua ciri ini dijelaskan di dalam *Al-Qur'an* dan *Al-Sunnah* sebagai “*al-Khizy*”, dan secara saintifiknya juga ia tidak dikenali sebagai bencana alam semata-mata.

KATA KUNCI: Pengertian *al-Khizy*; Dianggap sebagai Bencana Alam; Hukuman dari Allah; Dosa Manusia; Menghadapi Sebarang *al-Khizy*.

ABSTRACT: “*Concept of Al-Khizy According to the Al-Qur'an and Al-Sunnah: Factors and Measures to Handle it*”. This study addresses the terminology and connotation of the Qur'anic word of “*al-Khizy*” that commonly refers to flood, storm, earthquake, and so on, but they seem to mistakenly be identified as merely environmental calamities. However, according to the *Al-Qur'an*, they are part of the punishment of Allah for human misdeeds. This study aims at clarifying the Qur'anic term (*al-Khizy*) from any misunderstanding or misinterpretation and bringing it back to the Qur'anic evidence and *al-Sunnah* that clearly mention the causes of its happening. In addition, it also puts forward appropriate attitude and action to be taken by people, especially those who believe, in the face of any form of “*al-Khizy*”. The discussion of common misunderstanding or ignorance of the Qur'anic term of “*al-Khizy*” and the attempt to bring it around are supported with the views of Muslim scholars of Qur'anic exegesis and Hadith, who are interested in the term. This study is made possible by library research that is focused on descriptive and historical analyses. The finding is that “*al-Khizy*” refers to the retribution of Allah upon mankind for their misdeeds. Having considered its unpredictability and the vastness of its impact, it is not possibly referred as natural disaster, rather it comes from the Supernatural Being, i.e. Allah. The unpredictability and the vastness are clearly mentioned in several places of the *Al-Qur'an* as the main features of “*al-Khizy*”, whereas both features have so far scientifically been identified part of natural disaster or phenomena.

KEY WORD: Terminology of *al-Khizy*; Identified as Environmental Calamities; Punishment of Allah; Human Misdeeds; Facing Form of *al-Khizy*.

About the Author: Dr. Mohd Sholeh bin Sheh Yusuff ialah Pensyarah Kanan Kulliyah *Al-Qur'an* dan *Al-Sunnah*, Kolej Universiti Insaniah, 09300 Kuala Ketil, Kedah, Malaysia. Bagi urusan sebarang akademik, penulis boleh dihubungi secara terus melalui alamat emel di: mohdsholeh@insaniah.edu.my

How to cite this article? Yusuff, Mohd Sholeh bin Sheh. (2017). “Konsep *Al-Khizy* Menurut *Al-Qur'an* dan *Al-Sunnah*: Faktor dan Langkah Mengatasinya” in *INSANCITA: Journal of Islamic Studies in Indonesia and Southeast Asia*, Vol.2(1), February, pp.31-42. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press owned by ASPENSI, ISSN 2443-1776.

Chronicle of the article: Accepted (December 19, 2016); Revised (January 20, 2017); and Published (February 27, 2017).

PENDAHULUAN

Dunia akhir zaman, semakin ramai umat Islam yang kurang mengambil berat tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan urusan agama Islam. Setiap perkara yang diperintahkan oleh agama jarang diambil peduli oleh umat. Arahan dan tegahan Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*) sering diabaikan oleh manusia. Mereka enggan menggunakan akal fikiran, enggan menggunakan mata untuk melihat apa yang berlaku di dunia untuk diambil pengajaran, dan enggan pula menggunakan telinga untuk mendengar dan menerima ajaran Allah SWT. Dalam konteks ini, Allah SWT umpamakan mereka seperti binatang ternakan, bahkan lebih teruk lagi. Allah SWT menjelaskan perkara ini menerusi firman-Nya, dalam *Al-Qur'an*, surah *Al-A'raf* (7:179), yang bermaksud:

Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk neraka Jahannam banyak dari jin dan manusia yang mempunyai hati yang tidak (mahu) memahami dengannya (ayat-ayat Allah SWT), dan mempunyai mata yang tidak (mahu) melihat dengannya (bukti keesaan Allah SWT), dan mempunyai telinga yang tidak (mahu) mendengar dengannya (ajaran dan nasihat), mereka itu seperti binatang ternakan, bahkan mereka lebih sesat lagi. Mereka itulah orang yang lalai (dalam Basmeih ed., 2000).

Bencana alam yang berlaku merupakan salah satu bentuk *al-Khizy*. Masyarakat dunia dikejutkan dengan bencana Tsunami, yang meranapkan serta membinasakan kemegahan dan kemewahan yang dikecapi oleh manusia. Gempa bumi yang dahsyat telah mengorbankan beribu-ribu manusia, binaan-binaan yang mewah, kukuh dan tersergam indah telah hancur pun dibinasakan oleh Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*) hanya dengan sekelip mata.

Malapetaka merupakan *al-Khizy*, yang ditimpakan oleh Allah SWT kerana

berbuatan manusia sendiri (al-Qahthani, 2008; Ma'ruf, 2011; dan Rozin, 2015). Pernyataan ini harus diketengahkan dan diperjelaskan supaya manusia mengambil pengajaran dan sedar tentang tanggungjawab dan kewajiban mereka kepada Allah SWT.

Selain itu, perbincangan tentang konsep *al-Khizy* amat penting dijalankan, memandangkan keadaan masyarakat yang masih terkeliru dengan pengertian sebenar kalimah tersebut, sehingga terjemahan kalimah *al-Khizy* di dalam *Tafsir Pimpinan Al-Rahman* juga terhenti kepada maksud kehinaan sahaja (Basmeih ed., 2000:206); sedangkan kalimah ini mempunyai makna yang berbeza-beza.

Di dalam artikel ini, pengertian *al-Khizy* akan dilihat melalui perspektif *Al-Qur'an* dan *Al-Sunnah*, faktor-faktor yang menyebabkan ia berlaku, dan cara-cara untuk menghadapinya.

AL-KHIZY MENURUT AL-QUR'AN

Al-Khizy merupakan satu kalimah yang mempunyai pengertian yang berbilang-bagai. Di dalam *Al-Qur'an*, kalimah *al-Khizy* disebut sebanyak 24 kali di tempat yang berbeza-beza. Kalimah ini merangkumi lima pengertian yang berbeza, iaitu: pembunuhan, azab, kehinaan, kerendahan, dan keaiban (al-Baqi, 1996:476). Ulama tafsir telah mengemukakan pentafsiran yang berbilang-bagai terhadap kalimah ini (*cf* Shihab, 2006; dan Rodin, 2010).

Di dalam membincangkan tajuk berkenaan, artikel ini mengemukakan pengertian *al-Khizy* mengikut tafsiran para ulama berserta ayat-ayat *Al-Qur'an* yang berkaitan. Walaupun terdapat sebilangan ayat *Al-Qur'an* yang menjelaskan tentang pengertian-pengertian tersebut, namun artikel ini menyertakan satu contoh sahaja bagi setiap pengertian.

Pertama, al-Khizy Bermaksud Kelemahan. Firman Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*), dalam *Al-Qur'an*, surah *Al-Tawbah* (9:14), menyatakan seperti berikut:

فَاتْلُوهُمْ يُعَذِّبُهُمُ اللَّهُ بِأَيْدِيكُمْ وَيُخْرِجُهُمْ وَيَنْصُرْكُمْ عَلَيْهِمْ
وَيَشْفِ صُدُورَ قَوْمٍ مُّؤْمِنِينَ

Maksudnya: Perangilah mereka, nescaya Allah SWT akan menghancurkan mereka dengan (perantaraan) tangan-tanganmu dan Allah SWT akan menghinakan mereka dan menolong kamu terhadap mereka, serta melegakan hati orang yang beriman (dalam Basmeih ed., 2000).

Dalam konteks ini, Jar Allah Abu al-Qasim Mahmud bin 'Umar al-Zamakhshari (1418 H/1998 M) menafsirkan kalimah *al-Khizy* dalam ayat ini dengan makna "lemah" (al-Zamakhshari, 1418/1998:403). Manakala menurut Abu 'Abdillah Muhamad bin Ahmad al-Ansari al-Qurtubi (1423 H/2003 M), ayat ini menegaskan kepada tentera Islam supaya memerangi tentera kafir tanpa ragu-ragu, disebabkan penentangan mereka terhadap agama Islam yang dibawa oleh Baginda Nabi Muhammad SAW (*Salallahu Alaihi Wassalam*). Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*) telah membuat jaminan bahawa mereka akan dikalahkan oleh tangan tentera-tentera Islam (al-Qurtubi, 1423/2003:86).

Ulasan berkenaan dipersetujui pula oleh Muhy al-Sunnah Abu Muhammad al-Husayn bin Mas'ud al-Baghawi (1409 H/1988 M:18); Nasir al-Din Abu Sa'id 'Abd Allah Abu 'Umar bin Muhammad al-Baydawi (1416 H/1996 M:424); dan Abu al-Fida' Isma'il bin 'Umar bin Kathir Ibn Kathir (1418 H/1997 M:21).

Sebab turun ayat ini, sepertimana yang diriwayatkan daripada Qatadah, bahawa ia diturunkan ke atas Bani Khuza'ah yang telah mengingkari Nabi Muhammad SAW, serta telah membunuh sebilangan orang

dari Bani Bakr. Peristiwa itu terjadi setelah perjanjian *Hudaybiyyah* dimaterai, apabila seorang lelaki dari suku Khuza'ah melagukan syair yang menghina Baginda Nabi Muhammad SAW. Nyanyian tersebut didengari oleh seorang lelaki dari kabilah Bani Bakr, lalu lelaki dari kabilah Bani Bakr memukul lelaki dari suku Bani Khuza'ah itu dan telah menimbulkan rasa dendam di antara mereka (cf al-Baghawi, 1409/1988; al-Baydawi, 1416/1996; Ibn Kathir, 1418/1997; dan al-Suyuti, 1422/2002).

Oleh yang demikian, suku Bani Khuza'ah merancang untuk membalas dendam dan secara senyap-senyap telah bersepakat dengan kafir Quraish di Mekah. Dengan peristiwa itulah Allah SWT menurunkan ayat ini, yang mengarahkan tentera Islam memerangi Bani Khuza'ah supaya Bani Bakr kembali tenteram dengan jaminan bahawa Allah SWT akan memberi kemenangan kepada tentera-tentera Islam (al-Suyuti, 1422/2002:115).

Kedua, al-Khizy Bermaksud Keaiban. Firman Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*) dalam *Al-Qur'an*, surah *Al-Ma'idah* (5:33), menyatakan seperti berikut:

إِنَّمَا جَزَاءُ الَّذِينَ يُحَارِبُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَيَسْعَوْنَ فِي الْأَرْضِ فَسَادًا أَنْ يُقَتَّلُوا أَوْ يُصَلَّبُوا أَوْ تُقَطَّعَ أَيْدِيهِمْ وَأَرْجُلُهُمْ مِنْ خَلْفٍ أَوْ يُنْفَخُوا مِنَ الْأَرْضِ ذَلِكَ لَهُمْ خِزْيٌ فِي الدُّنْيَا وَلَهُمْ فِي الْآخِرَةِ عَذَابٌ عَظِيمٌ

Maksudnya: Sesungguhnya pembalasan terhadap orang yang memerangi Allah SWT dan Rasul-Nya dan membuat kerosakan di muka bumi, hanyalah mereka dibunuh (kalau mereka membunuh sahaja dengan tidak merampas) atau dipalang (kalau mereka membunuh dan merampas), atau dipotong tangan dan kaki mereka dengan bersilang (kalau mereka merampas sahaja), atau dibuang negeri (kalau mereka hanya mengganggu ketenteraman awam). Hukuman yang demikian itu (sebagai suatu penghinaan untuk mereka di dunia, dan di akhirat mereka beroleh seksaan yang besar (dalam Basmeih ed., 2000).

'Abd Rahman bin Nasir bin 'Abd Allah al-Sa'idi (1420 H/2000 M) mentafsirkan kalimat *al-Khizy* di dalam ayat ini dengan makna "keaiban". Beliau menjelaskan bahawa orang yang mengingkari larangan Baginda Nabi Muhammad SAW (*Salallahu Alaihi Wassalam*), contohnya mencuri dan merompak sepertimana peristiwa suku 'Ukl dan 'Uraynah yang telah mendustai Baginda Nabi Muhammad SAW, dengan sendirinya telah memusuhi Allah SWT. Sebagai balasannya, tangan dan kaki dipotong bersilang sehingga mengaibkan mereka (al-Sa'idi, 1420/2000:229).

Sebab turun ayat ini, sebagaimana diriwayatkan, bahawa sekelompok dari suku 'Ukl dan 'Uraynah datang menemui Nabi Muhammad SAW, lalu mereka mengaku memeluk Islam. Mereka mengadu tentang penyakit dan kefakiran yang mereka hadapi, lantas Rasulullah SAW mengizinkan mereka menginap di kandang unta milik seorang Islam, di samping meminum susu dan air kencing unta untuk mengubati penyakit. Namun setelah sembuh, mereka membunuh pengembala unta dan melarikan semua unta tersebut serta kembali murtad. Setelah mereka berjaya ditangkap, pasukan penangkap memotong kaki dan tangan mereka serta mencungkil mata. Dengan sebab itulah ayat ini diturunkan untuk menjelaskan hukuman yang sepatutnya diambil terhadap kes seperti itu (al-Wahidi, 1411/1991:132).

Ketiga, *al-Khizy* Bermaksud Azab. Firman Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*) dalam *Al-Qur'an*, surah *Al-Tawbah* (9:63), menyatakan seperti berikut:

أَلَمْ يَعْلَمُوا أَنَّهُ مَن يُحَادِدِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَأَنَّ لَهُ نَارَ جَهَنَّمَ خَالِدًا فِيهَا ذَلِكَ الْخِزْيُ الْعَظِيمُ

Maksudnya: Tidakkah mereka (orang munafik itu) mengetahui bahawa sesiapa

yang menentang Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya neraka Jahannamlah baginya, mereka kekal di dalamnya. Itu adalah kehinaan yang besar (dalam Basmeih ed., 2000).

Nasir al-Din Abu Sa'id 'Abd Allah Abu 'Umar bin Muhammad al-Baydawi (1416 H/1996 M) mentafsirkan kalimat *al-Khizy* di sini dengan makna "azab". Beliau menjelaskan bahawa ayat ini menempelak orang munafik yang berolok-olok dengan iman serta sentiasa memusuhi Baginda Nabi Muhammad SAW (*Salallahu Alaihi Wassalam*). Mereka sengaja mengutarakan soalan-soalan kepada Nabi SAW, yang sememangnya sudah ada jawapannya. Allah SWT bertanya pula sebagai menjawab kelakuan mereka itu bahawa adakah orang munafik tidak mengetahui sesiapa yang menentang Allah SWT dan Rasul-Nya serta melampaui batasan syariat, yang kelak di akhirat mereka akan disiksa dengan azab api Neraka dan mereka kekal di dalamnya selama-lamanya (al-Baydawi, 1416/1996:459).

Keempat, *al-Khizy* Bermaksud Pembunuhan. Firman Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*) dalam *Al-Qur'an*, surah *Al-Hajj* (22:9), menyatakan seperti berikut:

ثَانِي عَظِيمٍ لِيُضِلَّ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ لَهُ فِي الدُّنْيَا خِزْيٌ وَنَذِيقُهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ عَذَابَ الْحَرِيقِ

Maksudnya: Dengan memalingkan lambungnya (berlaku sombong) untuk menyesatkan manusia dari jalan Allah SWT. Dia mendapat kehinaan di dunia dan di hari Kiamat, Kami merasakan kepadanya azab neraka yang membakar (dalam Basmeih ed., 2000).

Abu 'Abdillah Muhamad bin Ahmad al-Ansari al-Qurtubi (1423 H/2003 M) mentafsirkan kalimat *al-Khizy* di dalam ayat berkenaan dengan makna "pembunuhan". Ayat *Al-Qur'an* ini diturunkan bertujuan untuk menjelaskan kelakuan orang kafir Mekah, yang selalu

berdebat kerana mendustai ke-Esa-an Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*) dan kerasulan Baginda Nabi Muhammad SAW (*Salallahu Alaihi Wassalam*). Perdebatan mereka itu sememangnya tanpa fakta yang benar dan tanpa ilmu pengetahuan, malah hanya mengikut telunjuk akal fikiran dan nafsu semata-mata (al-Qurtubi, 1423/2003:15). Dengan sebab itu, mereka terbunuh dalam beberapa peperangan, malah di Akhirat mereka akan disiksa di dalam api Neraka (cf al-Qurtubi, 1423/2003:15; dan al-Shaykh, 1430/2009:35).

Menurut Jalal al-Din 'Abd al-Rahman bin Abu Bakr al-Suyuti (1422 H/2002 M), ayat *Al-Qur'an* ini diturunkan ke atas Al-Nadr bin al-Harith, yang terbunuh dalam peperangan Badar kerana menentang Islam, menghina, menyakiti, serta menyiksa orang yang beriman. Suatu ketika, sedang Rasulullah SAW bersama dengan beberapa orang sahabat berada di perkampungan Bani Nadir, sekumpulan Bani Nadir merancang untuk membunuh Baginda Nabi Muhammad SAW, dengan mencampak batu besar ke atas kepala Baginda Nabi Muhammad SAW (al-Suyuti, 1422/2002:115).

Allah SWT memberitakan niat jahat kumpulan Bani Nadir tersebut supaya Baginda Nabi Muhammad SAW dan para sahabat berhati-hati, lalu Rasulullah SAW bersama para sahabat terus pulang ke kota Madinah. Setelah tiba di kota Madinah, Rasulullah SAW mengarahkan Bani Nadir keluar dari Madinah, kerana mereka telah mengkhianati perjanjian yang telah dimaterai, lantas Bani Nadir mengisytihar perang terhadap orang Islam bagi mempertahankan tempat tinggal mereka. Oleh yang demikian, Allah SWT menurunkan *al-Khizy* kepada mereka berupa pembunuhan sebagai balasan terhadap perbuatannya itu (al-Suyuti, 1422/2002:115).

Kelima, *al-Khizy* Bermaksud *Kehinaan*. Firman Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*) dalam *Al-Qur'an*, surah *Al-Shu'ara'* (26:87), menyatakan seperti berikut:

وَلَا تُحْزِنِي يَوْمَ يُعْتَبُونَ

Maksudnya: Dan janganlah engkau menghina Aku pada hari mereka dibangkitkan (dalam Basmeih ed., 2000).

Muhy al-Sunnah Abu Muhammad al-Husayn bin Mas'ud al-Baghawi (1409 H/1988 M) mentafsirkan kalimah *al-Khizy* di dalam ayat berkenaan dengan makna "kehinaan". Menurut beliau bahawa Nabi Ibrahim AS (*Alaihi Salam*) berdoa kepada Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*) supaya di hari kiamat, Baginda Nabi Ibrahim AS tidak ditimpa kehinaan. Doa ini menunjukkan sifat rendah diri dan sabar yang dimiliki oleh Nabi Ibrahim AS (al-Baghawi, 1409/1988:119).

FAKTOR-FAKTOR *AL-KHIZY* DITIMPAKAN

Terdapat empat faktor utama yang menyebabkan Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*) menimpakan *al-Khizy* kepada manusia, yang harus dihindari oleh semua manusia supaya *al-Khizy* yang ditimpakan itu dibatalkan semula oleh Allah SWT. Faktor-faktor yang dimaksudkan itu ialah *perbuatan dosa yang dilakukan oleh manusia* (Fawzan, 1423/2002:135); *kezaliman yang berleluasa* (al-Hukmi, 1422/2001:38); *meninggalkan amal makruf dan nahi mungkar* (Ali al-Shaykh, 1424/2003:88); serta *berleluasa kejahatan dan kemaksiatan di muka bumi* (Fawzan, 1423/2002:135).

Pertama, dosa dan kesalahan yang dilakukan oleh manusia merupakan faktor utama menyebabkan Allah SWT menjatuhkan hukuman kepada mereka. Contohnya dosa-dosa umat lampau yang

mendustakan risalah Rasul dan melakukan maksiat, seperti umat Nabi Nuh AS (*Alaihi Salam*) yang tidak menyembah Allah SWT. Mereka menyembah berhala-berhala yang dicipta oleh mereka sendiri, sehingga Allah SWT mengutuskan Nabi Nuh AS menyeru supaya meninggalkan perbuatan dosa tersebut. Namun, mereka tidak mengendahkan seruan Baginda itu, lalu mereka ditimpa *al-Khizy* berupa banjir besar oleh Allah SWT, sehingga membinasakan mereka semua.

Penyataan ini dijelaskan oleh Allah SWT melalui firman-Nya, dalam *Al-Qur'an*, surah *Al-An'am* (6:6), seperti berikut:

أَلَمْ يَرَوْا كَمْ أَهْلَكْنَا مِنْ قَبْلِهِمْ مِنْ قَرْنٍ مَكَّنَّاهُمْ فِي الْأَرْضِ
لَمْ نُمَكِّنْ لَكُمْ وَأَرْسَلْنَا السَّمَاءَ عَلَيْهِمْ مِدْرَارًا وَجَعَلْنَا
الْأَنْهَارَ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهِمْ فَأَهْلَكْنَاهُمْ بِذُنُوبِهِمْ وَأَنْشَأْنَا
مِنْ بَعْدِهِمْ
قَرْنًا آخَرِينَ

Maksudnya: Tidakkah mereka memerhati dan memikirkan berapa banyak umat yang telah Kami binasakan sebelum mereka, pada hal (umat itu) telah Kami teguhkan kedudukan mereka di muka bumi (dengan kekuasaan dan kemewahan) yang tidak Kami berikan kepada kamu, dan Kami turunkan hujan atas mereka dengan lebatnya, dan Kami jadikan sungai-sungai mengalir di bawah mereka, kemudian Kami binasakan mereka dengan sebab dosa mereka sendiri, dan Kami ciptakan sesudah mereka, umat yang lain (dalam Basmeih ed., 2000).

Muhammad Rashid Rida (1367 H/1946 M) menjelaskan bahawa Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*) menganugerahi umat terdahulu sebelum umat Nabi Muhammad SAW (*Salallahu Alaihi Wassalam*) dengan rezeki yang melimpah-ruah, seperti kaum 'Ad. Tanaman-tanaman mereka subur yang menghasilkan buah-buahan segar, dan menjadikan mereka kaya-raya serta menjalani kehidupan yang aman dan harmoni. Namun, setelah mereka mendustai Nabi Hud serta tidak

segan-silu melakukan dosa, Allah SWT membinasakan mereka semua di samping tanaman-tanaman mereka hancur musnah. Demikianlah balasan Allah SWT yang disediakan bagi manusia yang mengkufuri nikmat-Nya serta malampai batas (Rida, 1367/1946:251).

Kedua, berleluasa kezaliman. Kezaliman dapat dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu kezaliman terhadap Allah SWT, sesama manusia, dan kezaliman terhadap diri sendiri. Apabila kezaliman yang dilakukan oleh manusia sudah berleluasa, ia menyebabkan malapetaka dan bencana alam berlaku. Hal ini dibuktikan dengan kisah-kisah umat terdahulu, di mana Allah SWT membinasakan umat Nabi Lut AS (*Alaihi Salam*) dan kaum 'Ad, kerana perbuatan zalim dan penindasan yang telah mereka lakukan.

Contohnya, kaum 'Ad yang ditimpa angin taufan sehingga menghapuskan mereka semua, yang disebabkan kepercayaan sesat dan kehidupan mereka dikuasai oleh tuntutan Iblis. Nilai moral dan akhlak yang baik sudah tidak menjadi dasar penimbangan dalam tindak-tanduk mereka. Perbuatan mereka itu mengakibatkan penindasan dan peperangan dalam kalangan masyarakat, di mana yang kuat menindas yang lemah, dan yang berkuasa menzalimi orang bawahan. Hal tersebut dijelaskan menerusi firman Allah SWT dalam *Al-Qur'an*, surah *Al-Shura* (42:42), seperti berikut:

إِنَّمَا السَّبِيلُ عَلَى الَّذِينَ يَظْلِمُونَ النَّاسَ وَيَبْغُونَ فِي الْأَرْضِ
بِغَيْرِ الْحَقِّ أُولَئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ

Maksudnya: Sesungguhnya jalan (untuk menyalahkan) hanyalah terhadap orang yang melakukan kezaliman kepada manusia dan bermaharajalela menceroboh di muka bumi dengan tidak ada sebarang alasan yang benar. Mereka itulah orang yang beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya (dalam Basmeih ed., 2000).

Menurut Muhammad bin Yusuf Abu Hayyan (1413 H/1993 M), ayat ini menjelaskan tentang kelakuan umat terdahulu yang menzalimi manusia dan melampaui batas. Mereka sanggup membunuh dan merampas harta orang lain, hanya semata-mata untuk kepuasan diri. Mereka menerima hukuman dari Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*) disebabkan perbuatan itu.

Sebagai contoh, masyarakat Sadum adalah masyarakat yang tidak mempunyai pegangan agama atau nilai kemanusiaan yang beradab. Kemaksiatan dan kemungkaran merajalela dalam pergaulan mereka. Kecurian dan rampasan harta merupakan kejadian biasa yang sering berlaku, sehingga menjadi suatu kebudayaan bagi kaum Sadum. Hal yang demikian itu menyebabkan berlaku gempa bumi yang dahsyat, disertai angin kencang dan hujan batu, yang menghancurkan kota Sadum beserta penghuninya (Hayyan, 1413/1993:485).

Ketiga, meninggalkan amal makruf nahi mungkar. Apabila sikap mengajak melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran tidak lagi dipraktikkan oleh manusia, mengakibatkan Allah SWT akan menjatuhkan hukuman kepada mereka. Pernyataan ini secara jelas dinyatakan oleh Rasulullah SAW (*Salallahu Alaihi Wassalam*) di dalam *Hadith*-nya, sepertimana dipetik oleh Muhammad bin 'Isa bin Saurah al-Tirmidhi (1417 H/1996 M), dalam *Sunan al-Tirmidhi*, Nombor *Hadist* 2169:490, sebagai berikut:

عَنْ حَدِيثِ بْنِ الْيَمَانِ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ
وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَتَأْمُرُنَّ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ
أَوْ لَيُوشِكَنَّ اللَّهُ أَنْ يَبْعَثَ عَلَيْكُمْ عِقَابًا مِنْهُ ثُمَّ تَدْعُوهُ فَلَا
يُسْتَجَابُ لَكُمْ

Maksudnya: Daripada Huzayfah RA, daripada Rasulullah SAW bersabda: "Demi jiwaku yang berada di tangan-Nya, hendaklah

kamu menyeru melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran atau (jika kamu tidak berbuat yang demikian itu) nescaya Allah akan menurunkan kepada kamu hukuman daripada-Nya dan apabila kamu memohon sesuatu daripada-Nya, maka doa mu itu tidak dikabulkan" (al-Tirmidhi, 1417/1996).

Muhammad Munur bin 'Abdih al-Azhari (t.th.) menjelaskan bahawa apabila seorang Muslim melihat kelakuan maksiat di hadapan matanya, maka hendaklah dia mencegah dengan kuasa yang dimiliki, tetapi jika tidak boleh hendaklah menasihati, dan jika tidak boleh juga hendaklah membenci perbuatan maksiat tersebut, tetapi tindakan terakhir itu hanyalah untuk manusia yang lemah imannya. Sekiranya tidak ada seorang pun di dalam sesebuah masyarakat berusaha mencegah kemungkaran yang berlaku secara terang-terangan, sedangkan mereka mampu mencegahnya, maka tunggulah hukuman dari Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*) yang akan menimpa mereka semua (al-Azhari, t.th.:174).

Keempat, berleluasa kejahatan dan kemaksiatan. Apabila kezaliman dan kemaksiatan yang dilakukan oleh manusia sudah berleluasa dan tidak dapat dibendung, maka hal ini memungkinkan Allah SWT menurunkan sebarang bentuk *al-Khizy* kepada manusia sebagai balasan terhadap perbuatan yang dilakukan itu. Contohnya, kejahatan dan kemaksiatan yang dilakukan oleh kaum Nabi Lut AS menyebabkan mereka dihukum oleh Allah SWT. Mereka merupakan kaum yang mengamalkan homoseksual (liwat), sehingga Allah SWT menjatuhkan hukuman kepada mereka. Kisah tersebut dinyatakan oleh Allah menerusi firman-Nya, dalam *Al-Qur'an*, surah *Al-Naml* (27:54-56), seperti berikut:

وَلَوْطًا إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِ أَتَأْتُونَ الْفَاحِشَةَ وَأَنْتُمْ تُبْصِرُونَ. أَنْتُمْ
لَتَأْتُونَ الرِّجَالَ شَهْوَةً مِنْ دُونِ النِّسَاءِ بَلْ أَنْتُمْ قَوْمٌ تَجْهَلُونَ.

فَمَا كَانَ جَوَابَ قَوْمِهِ إِلَّا أَنْ قَالُوا أَخْرِجُوا آلَ لُوطٍ مِنْ قَرْيَتِكُمْ إِنَّهُمْ أَنْاسٌ يَتَطَهَّرُونَ

Maksudnya: Dan Nabi Lut (juga Kami utuskan), tatkala dia berkata kepada kaumnya: “Patutkah kamu melakukan perbuatan yang keji, sedangkan kamu nampak kekejiannya? Sesungguhnya kamu mendatangi lelaki, bukan perempuan, kerana untuk memuaskan nafsu syahwat kamu (perbuatan kamu itu amatlah keji). Bahkan kamu kaum yang jahil (yang tidak mengetahui akan akibatnya)”. Maka kaumnya tidak menjawab selain dari berkata: “Usirlah Lut dan pengikut-pengikutnya dari bandar kamu ini. Sesungguhnya mereka itu adalah orang yang mendakwa diri mereka bersih suci” (dalam Basmeih ed., 2000).

Abu al-Fida' Isma'il bin 'Umar bin Kathir Ibn Kathir (1418 H/1997 M) menjelaskan bahawa kaum Nabi Lut AS (*Alaihi Salam*) merupakan kaum yang mengamalkan perbuatan jijik. Mereka gemar menjalani hubungan seks sesama lelaki, walaupun terdapat ramai perempuan yang boleh mereka kahwini. Walaupun perbuatan itu amat bertentangan dengan tabiat semulajadi manusia, mereka tetap melakukan dan mengamalkannya. Mereka juga terkenal sebagai kaum yang suka merompak dan memeras ugut, terutama bagi orang yang datang menziarahi perkampungan mereka. Nabi Lut AS diutuskan untuk memperbaiki kelakuan mereka, tetapi dakwah dan ajakan Baginda sedikit pun tidak dihiraukan. Oleh sebab itulah, Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*) menurunkan bala bencana yang dahsyat berbentuk hujan batu, sehingga menghancurkan dan membinasakan mereka semua (Ibn Kathir, 1418/1997:200).

LANGKAH-LANGKAH DALAM MENGHADAPI AL-KHIZY

Malapetaka dan bencana alam yang berlaku di dunia sememangnya berkait rapat dengan perbuatan manusia. Menurut

Abdullah Basmeih ed. (2000), bala bencana yang tidak putus-putus berlaku di sana-sini adalah disebabkan perbuatan-perbuatan maksiat yang dilakukan oleh manusia sendiri. Mereka ditimpakan dengan demikian supaya mereka segera insaf dan menjauhi segala perbuatan yang durjana. Jika tidak, maka balasan yang lebih buruk pasti akan menimpa (Basmeih ed., 2000:569). Oleh yang demikian, manusia yang menghadapi bala bencana hendaklah segera bertaubat memohon keampunan dari Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*), supaya malapetaka dan bencana alam yang berlaku tidak berlarutan.

Taubat ialah rasa menyesal terhadap-dosa-dosa yang dilakukan, serta berazam tidak akan mengulanginya lagi (DBP Malaysia, 1997:1384). Menurut Abu al-Qasim 'Abd al-Karim bin Hawazin al-Qushayri (1423 H/2002 M), seseorang yang ingin bertaubat hendaklah melengkapinya tiga syarat, iaitu rasa teramat menyesal atas perbuatan-perbuatan buruk yang telah dilakukan, meninggalkan dengan segera segala perbuatan buruk, dan berazam di dalam diri tidak akan kembali melakukan perbuatan buruk itu lagi (al-Qushayri, 1423/2002:44).

Ibn Rajab al-Hanbali (1399 H/1977 M) juga menegaskan bahawa antara sifat Mukmin sebenar ialah segera bertaubat memohon ampun dari Allah SWT. Dia bersikap demikian kerana beramal dengan saranan *Al-Qur'an* dan *Al-Hadith* daripada Nabi Muhammad SAW (*Salallahu Alaihi Wassalam*). Apabila dia terjerumus melakukan sesuatu yang mendatangkan dosa, dia segera bertaubat memohon keampunan daripada Allah SWT terhadap segala dosa yang dilakukan (al-Hanbali, 1399/1977:273).

Selain itu, menurut Ibn Qudamah al-Maqdisi (1403 H/1983 M) bahawa Allah

SWT menyarankan supaya orang yang berdosa segera bertaubat, menerusi firman-Nya didalam *Al-Qur'an*, surah *Ali 'Imran* (3:133), seperti berikut:

وَسَارِعُوا إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا السَّمَاوَاتُ
وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ

Maksudnya: Dan bersegeralah kamu kepada (mengerjakan amalan-amalan yang baik untuk mendapat) keampunan dari Tuhanmu, dan mendapat Syurga yang luasnya meliputi langit dan bumi, yang disediakan bagi orang yang bertakwa (cf al-Maqdisi, 1403/1983:154; dan Basmeih ed., 2000).

Dalam menghadapi *al-Khizy*, manusia juga seharusnya sentiasa bermuhasabah diri terhadap kelakuan seharian. Seorang hamba yang bertaubat sepatutnya bermuhasabah diri setiap hari mengiringi taubat yang telah dilakukan itu bagi memastikan dirinya tidak lagi mengulangi perbuatan dosa dan kesalahan yang pernah dilakukan. Dalam konteks ini, Ahmad bin 'Abd Rahman Ibn Qudamah al-Maqdisi (1398 H/1978 M) menjelaskan bahawa manusia tidak akan berjaya menghadapi bahaya perhitungan di akhirat, melainkan dengan banyak bermuhasabah diri di dunia (al-Maqdisi, 1398/1978:142).

Sesiapa yang bermuhasabah diri di dunia dikurangkan hisabnya di akhirat. Ahmad bin 'Abd Rahman Ibn Qudamah al-Maqdisi (1398 H/1978 M), yang menukilkan pendapat Saidina 'Umar RA (*Radhiallahu Anhu*), berkata seperti berikut:

حاسبوا أنفسكم قبل أن تحاسبوا

Maksudnya: Hendaklah kamu bermuhasabah diri sebelum kamu dihisab (dalam al-Maqdisi, 1398/1978:143).

Oleh yang demikian, bermuhasabah diri adalah penting supaya umat Islam

dapat menghadapi *al-Khizy* yang ditimpakan oleh Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*). Dalam pada itu, sifat sabar juga harus diterapkan oleh masyarakat dalam menghadapi sebarang bentuk *al-Khizy*. Sabar adalah sifat yang dikhususkan kepada manusia dan tidak digambarkan kepada malaikat, kerana kesempurnaan mereka adalah secara semulajadi (al-Ghazali, 1411/1990:61).

Di dalam *Al-Qur'an*, surah *Al-Ahqaf* (46:35), Allah SWT menjelaskan tentang sifat sabar menerusi firman-Nya, seperti berikut:

فَاصْبِرْ كَمَا صَبَرَ أُولُو الْعِزْمِ مِنَ الرُّسُلِ وَلَا تَسْتَعْجِلْ لَهُمْ
كَأَنَّهُمْ يَوْمَ يَرَوْنَ مَا يُوعَدُونَ لَمْ يَلْبُثُوا إِلَّا سَاعَةً مِّن نَّهَارٍ
بَلَاغٌ فَهَلْ يُهْلِكُ إِلَّا الْقَوْمَ الْفَاسِقُونَ

Maksudnya: Maka bersabarlah kamu sebagaimana sabarnya Rasul-rasul *Ulu al-'Azim* (yang mempunyai keazaman dan ketabahan hati) dari kalangan Rasul-rasul (yang terdahulu daripadamu). Dan janganlah engkau meminta disegerakan azab untuk mereka (yang menentangmu itu). Sesungguhnya keadaan mereka semasa melihat azab yang dijanjikan kepada mereka, merasai seolah-olah mereka tidak tinggal (di dunia) melainkan sekadar satu saat sahaja dari siang hari. (Penerangan yang demikian) cukuplah menjadi pengajaran (bagi orang yang mahu insaf). Maka (ingatlah!) tidak dibinasakan melainkan kaum yang derhaka (cf dalam Basmeih ed., 2000; dan al-Qurtubi, 1423/2003).

Menurut Abu 'Abdillah Muhamad bin Ahmad al-Ansari al-Qurtubi (1423 H/2003 M), ayat *Al-Qur'an* di atas menjelaskan tentang kesabaran yang dimiliki oleh Rasul-rasul terdahulu. Mereka sangat sabar dalam menghadapi tentangan-tentangan yang diberikan oleh umat mereka sendiri, dan sudah tentu kesabaran seperti ini juga sepatutnya dicontohi oleh umat Islam (al-Qurtubi, 1423/2003:220).

Menurut Ahmad bin 'Abd Rahman Ibn Qudamah al-Maqdisi (1398 H/1978

M), sabar terbahagi kepada dua bahagian, iaitu sabar *Badany* dan sabar *Nafsany* (al-Maqdisi, 1398/1978:23). Kesabaran yang bersifat *Badany* bermaksud kecekalan menanggung bebanan yang ditanggung oleh anggota badan, seperti berperang atau menunaikan sholat. Manakala kesabaran *Nafsany* pula bermaksud mengawal keinginan nafsu syahwat daripada melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*).

Di dalam *Al-Qur'an*, Allah SWT menjelaskan bahawa manusia tidak dapat lari dari menerima ujian daripada-Nya, lebih-lebih lagi dalam bentuk kesusahan dan kepayahan (dalam Basmeih ed., 2000). Dalam menghadapi kesusahan dan kepayahan itu memerlukan kesabaran yang tinggi, kerana tidak ramai manusia yang mampu bersabar ketika ditimpa sesuatu bala bencana atau malapetaka. Oleh itu, manusia terutama umat Islam harus memupuk sifat sabar supaya dapat menghadapi *al-Khizy*, kerana ia membuktikan keimanan seseorang (al-Maqdisi, 1398/1978:24).

Berdoa juga berperanan penting dalam menghadapi *al-Khizy*. Hal ini disebabkan di dalam *Al-Qur'an* terdapat banyak ayat yang menyeru manusia supaya berdoa. Antaranya ialah surah *Al-Ghafir* (40:60), seperti berikut:

وَقَالَ رَبُّكُمْ ادْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ إِنَّ الَّذِينَ يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِي سَيَدْخُلُونَ جَهَنَّمَ دَاخِرِينَ

Maksudnya: Dan Tuhanmu berfirman: "Berdoalah kepada-Ku, nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu. Sesungguhnya orang yang menyombongkan diri daripada berdoa serta beribadah kepada Ku, akan masuk neraka Jahannam dalam keadaan hina" (dalam Basmeih ed., 2000).

Abdullah Basmeih ed. (2000) menjelaskan bahawa Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*) memerintahkan

manusia supaya sentiasa berdoa dan beribadah kepada-Nya untuk kebaikan mereka di dunia dan akhirat. Sesiapa yang bersikap sombong dan takabur untuk berdoa dan beribadah bermakna dia sombong untuk mengakui kebesaran Allah SWT dan kelemahan dirinya. Allah SWT melarang manusia berdoa secara yang melampaui batas, iaitu menghalakan permohonan kepada yang lain daripada-Nya, atau memohon sesuatu yang tidak patut, atau dengan tidak menurut undang-undang Tuhan bagi menghasilkan sesuatu (Basmeih ed., 2000:1032).

Setelah masyarakat yang sedang menghadapi sebarang *al-Khizy* bertaubat, bermuhasabah, sabar, dan berdoa, maka mereka seharusnya pula bertawakal dan menyerah segalanya kepada Allah SWT. Tawakal mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan doa ketika menghadapi *al-Khizy*. Tidak sempurna sesuatu doa jika tidak disertakan dengan tawakal kepada Allah SWT. Menurut Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad al-Ghazali (1411 H/1990 M), Allah SWT memerintahkan umat Islam supaya berdoa dan bertawakal, disebabkan keduanya saling berkaitan (al-Ghazali, 1411/1990:210).

Abu Muhammad 'Abd al-Haq bin Ghalib Ibn 'Atiyyah (1422 H/2001 M) pula menjelaskan bahawa individu Muslim tidak dapat tidak harus berserah diri kepada Allah SWT. Apabila dia bertawakal kepada Allah, maka akan dicukupkan keperluannya dan dianugerahi ketenangan dan keberkatan dalam hidupnya (Ibn 'Atiyyah, 1422/2001:370).

Di dalam sebuah *Al-Hadith* pula menyatakan, dipetik oleh Muhammad bin 'Isa bin Saurah al-Tirmidhi (1417 H/1996 M), *Sunan al-Tirmidhi*, Nombor *Hadith* 2344:529, seperti berikut:

عَنْ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَوْ أَنَّكُمْ كُنْتُمْ تَوَكَّلُونَ عَلَى اللَّهِ حَقَّ تَوَكُّلِهِ لَرَزَقْتُمْ كَمَا يُرْزَقُ الطَّيْرُ تَغْدُو خِمَاصًا وَتَرُوحُ بِطَانًا

Maksudnya: Daripada ‘Umar bin al-Khattab RA katanya, bahawa Rasulullah SAW bersabda: “Jika kamu bertawakal kepada Allah dengan sebenar-benar tawakal, maka Allah SWT akan mengurniakan rezeki kepadamu sebagaimana burung yang keluar mencari rezeki dalam keadaan perut yang kosong, kemudian kembali ke sarangnya dalam keadaan kekenyangan” (dalam al-Tirmidhi, 1417/1996).

Menurut Abu al-‘Ali Muhammad bin ‘Abd al-Rahman bin ‘Abd al-Rahim al-Mubarakfuri (1387 H/1967 M), tawakal bermaksud meyakini hanya Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta’ala*) sahaja Tuhan Yang Maha Menjadikan dan Maha Pemberi Rezeki (al-Mubarakfuri, 1387/1967:7). Manusia wajib berusaha bersungguhsungguh dalam mencari rezeki diiringi dengan doa dan tawakal.

Al-Hadith berkenaan dengan tawakal memberi jaminan bahawa manusia yang bertawakal kepada Allah SWT, setelah berusaha, akan memperolehi apa yang dihajati (dalam al-Tirmidhi, 1417/1996). Dalam konteks perbincangan ini, tawakal ketika menghadapi *al-Khizy* bermaksud berkeyakinan tinggi bahawa apa yang berlaku itu mempunyai hikmah yang tersendiri, di samping berserah diri kepada Allah SWT.

KESIMPULAN

Setelah meneliti persoalan *al-Khizy* berdasarkan dalil-dalil dari *Al-Qur’an* dan *Al-Hadith*, artikel ini membuat kesimpulan bahawa *al-Khizy* mempunyai nilai perbincangan dan skop perbincangan yang luas, di samping memerlukan penelitian dan pemfokusan bagi memperolehi kefahaman yang baik dan juga untuk meningkatkan keimanan kepada Allah SWT. Kesimpulan pertama

yang dapat diambil dari perbincangan ini bahawa kalimah *al-Khizy* yang terdapat di dalam *Al-Qur’an* membawa lima pengertian yang berbeza, iaitu: kelemahan, keaiban, azab, pembunuhan, dan kehinaan.

Al-Qur’an juga menjelaskan sebab-sebab berlaku *al-Khizy*, antaranya ialah dosa yang dilakukan oleh manusia, kezaliman yang berleluasa, tidak mengajak untuk melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran, serta berleluasa kejahatan dan kemaksiatan. Gejala-gejala seperti ini telah berlaku kepada umat manusia akhir zaman; dan dengan sebab itulah, malapetaka dan bencana alam sering menimpa manusia di akhir zaman ini.

Berdasarkan perbincangan yang telah lalu, artikel ini memberi cadangan kepada umat Islam beberapa sikap dalam menghadapi *al-Khizy*. Umat Islam disarankan supaya segera bertaubat memohon keampunan dari Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta’ala*), kerana *Al-Qur’an* dengan jelas menyatakan bahawa *al-Khizy* yang berlaku di dunia disebabkan dosa dan kesalahan yang dilakukan oleh manusia sendiri. Selain itu, sikap bermuhasabah diri, bersabar, berdoa, dan bertawakal dalam menghadapi *al-Khizy* juga sepatutnya diamalkan oleh umat Islam.¹

Referensi

al-Azhari, Muhammad Munir bin ‘Abdih. (t.th).
Al-Ittihaf al-Saniyyah bi al-Ahadith al-Qudsiyyah.
Dimashq: Dar Ibn Kathir.

¹**Kenyataan:** Saya, yang bertanda tangan di bawah ini, membuat kenyataan sebenar bahawa artikel ini adalah karya akademik saya persendirian, ianya bukan dapatan daripada amalan plagiat, memandangkan semua sumber rujukan yang saya nukil dan petik dalam analisis dan perbincangan adalah wujud dalam Referensi atau Senarai Rujukan. Saya juga menyatakan bahawa artikel ini belum dihantar dan belum pula diterbitkan oleh mana-mana jurnal, sama ada di Malaysia mahupun di luar negara.

- al-Baghawi, Muhy al-Sunnah Abu Muhammad al-Husayn bin Mas'ud. (1409 H/1988 M). *Tafsir al-Baghawi*. Al-Riyad: Dar Tayyibah.
- al-Baqi, Muhammad Fu'ad 'Abd. (1996). *Al-Mu'jam al-Mufabnas li Alfaz al-Qur'an al-Karim*. Al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- al-Baydawi, Nasir al-Din Abu Sa'id 'Abd Allah Abu 'Umar bin Muhammad. (1416 H/1996 M). *Tafsir al-Baydawi*. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad. (1411 H/1990 M). *Ihya' Ulum al-Din*. Beirut: Dar al-Khayr.
- al-Hanbali, Ibn Rajab. (1399 H/1977 M). *Al-Takhwif min al-Nar*. Dimashq: Maktabat Dar al-Bayan.
- al-Hukmi, Hafiz bin Ahmad bin 'Ali. (1422 H/2001 M). *A'lam al-Sunnat al-Manshurah li I'tiqad al-Ta'ifat al-Najiyat al-Mansurah*. Al-Mamlakat al-'Arabiyyat al-Su'udiyah: Wizarat al-Shu'un al-Islamiyyah wa al-Awqaf wa al-Da'wah wa al-Irshad.
- Ali al-Shaykh, Salih bin 'Abd al-'Aziz bin Muhammad bin Ibrahim. (1424 H/2003 M). *Al-Tamhid li Sharh Kitab al-Tawhid*. t.b. [tanpa bandar]: Dar al-Tawhid.
- al-Maqdisi, Ahmad bin 'Abd Rahman Ibn Qudamah. (1398 H/1978 M). *Mukhtasar Minhaj al-Qasidin*. Damaskus: Maktabah Dar al-Bayan.
- al-Maqdisi, Ibn Qudamah. (1403 H/1983 M). *Al-Tawwabin*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Mubarakfuri, Abu al-'Ali Muhammad bin 'Abd al-Rahman bin 'Abd al-Rahim. (1387 H/1967 M). *Tuhfah al-Ahwadhi bi Sharh Jami' al-Tirmidhi*. Al-Qahirah: Dar al-Fikr.
- al-Qahthani, Syaikh Sa'id bin Ali bin Wahft. (2008). *Penyejuk Hati di Tengah Panasnya Musibah*. Jakarta: Pustaka al-Tibyan, Terjemahan.
- al-Qurtubi, Abu 'Abdillah Muhamad bin Ahmad al-Ansari. (1423 H/2003 M). *Al-Jami' al-Ahkam al-Qur'an*. Al-Riyad: Dar 'Alim al-Kutub.
- al-Qushayri, Abu al-Qasim 'Abd al-Karim bin Hawazin. (1423 H/2002 M). *Al-Risalah al-Qushayriyyah*. Damaskus: Dar al-Farfur.
- al-Sa'idi, 'Abd Rahman bin Nasir bin 'Abd Allah. (1420 H/2000 M). *Taysir al-Karim al-Rahman fi Tafsir Kalam al-Mannan*. Beirut: Mu'assasat al-Risalah.
- al-Shaykh, Salih bin 'Abd al-'Aziz bin Muhammad Ali. (1430 H/2009 M). *Al-Tafsir al-Muyassar*. Madinah: Maktabah al-Malik Fahd.
- al-Suyuti, Jalal al-Din 'Abd al-Rahman bin Abu Bakr. (1422 H/2002 M). *Lubab al-Nuqul fi Asbab al-Nuzul*. Beirut: Mu'assasah al-Kutub al-Thaqafiyah.
- al-Tirmidhi, Muhammad bin 'Isa bin Saurah. (1417 H/1996 M). *Sunan al-Tirmidhi*. Al-Riyad: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tawzi.
- al-Wahidi, Abu al-Hasan 'Ali bin Ahmad. (1411 H/1991 M). *Asbab Nuzul al-Qur'an*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Zamakhshari, Jar Allah Abu al-Qasim Mahmud bin 'Umar. (1418 H/1998 M). *Al-Kashshaf*. Al-Riyad: Maktabah al-'Abikan.
- Basmeih, Abdullah [ed]. (2000). *Tafsir Pimpinan Al-Rahman kepada Pengertian Al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Dar al-Fikr, cetakan ke-16.
- DBP [Dewan Bahasa dan Pustaka] Malaysia. (1997). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, edisi ke-3.
- Fawzan, Salih. (1423 H/2002 M). *Fanat al-Mustafid bi Sharh Kitab al-Tawhid*. Beirut: Mu'assat al-Risalah.
- Hayyan, Muhammad bin Yusuf Abu. (1413 H/1993 M). *Tafsir al-Bahr al-Muhit*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn 'Atiyyah, Abu Muhammad 'Abd al-Haq bin Ghalib. (1422 H/2001 M). *Al-Muharrar al-Wajiz fi Tafsir al-Kitab al-'Aziz*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida' Isma'il bin 'Umar bin Kathir. (1418 H/1997 M). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Al-Riyad: Dar Tayyibah.
- Ma'arif, Henedi. (2011). "Bencana Alam dan Kehidupan Manusia dalam Perspektif Al-Qur'an" dalam Abdurrahman et al. [eds]. *Buku Al-Qur'an dan Isu-isu Kontemporer*. Yogyakarta: eLSAQ Press.
- Rida, Muhammad Rashid. (1367 H/1946 M). *Tafsir al-Manar*. Al-Qahirah: Dar al-Manar.
- Rodin, Dede. (2010). *Teologi Bencana dalam Perspektif Al-Qur'an*. Semarang: Puslit IAIN [Pusat Penelitian Institut Agama Islam Negeri] Walisongo.
- Rozin, Ainur. (2015). "Penafsiran Ayat-ayat Musibah dalam Al-Qur'an: Studi Analisis Penafsiran M. Quraish Shihab dalam Tafsir Al-Mishbah". *Skripsi Sarjana Tidak Diterbitkan*. Semarang, Jawa Tengah, Indonesia: Fakultas Ushuluddin dan Humaniora UIN [Universitas Islam Negeri] Walisongo. Tersedia secara online juga di: <http://eprints.walisongo.ac.id/5394/1/114211014.pdf> [diakses di Kuala Ketil, Malaysia: 17hb Januari 2017].
- Shihab, M. Quraish. (2006). "Musibah dalam Perspektif Al-Qur'an" dalam *Jurnal Study Al-Qur'an*, Vol.1, No.1. Jakarta: PSQ [Pusat Studi Qur'an].